



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** mengikut kod bidang yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut:-

No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/ 1/2024	<p>Kerja-kerja penghapusan kacauganggu anjing liar di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Kawasan Timur)</p> <p>Tarikh Iklan : 3.1.2024 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 9.1.2024 (Selasa) Tempat : Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan, Aras 4, Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 16.1.2024 (Selasa) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2023/18/PRL/1</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 50.00</p> <p>9.1.2024 hingga 14.1.2024</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 220902 (Menangkap/ menembak haiwan)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>

<p>MBJB/SH/ 2/2024</p>	<p>Kerja-kerja penghapusan kacauganggu anjing liar di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tempoh 12 bulan (Kawasan Barat)</p> <p>Tarikh Iklan : 3.1.2024 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 9.1.2024 (Selasa) Tempat : Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan, Aras 4, Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 16.1.2024 (Selasa) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2023/18/PRL/2</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 50.00</p> <p>9.1.2024 hingga 14.1.2024</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 220902 (Menangkap/ menembak haiwan)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>
<p>MBJB/SH/ 3/2024</p>	<p>Kerja-kerja pencahayaan di persimpangan Jalan Cemerlang / Jalan Kota Tinggi dan persimpangan Jalan Cemerlang / Jalan Johar, Taman Desa Cemerlang di bawah Program Bandar Selamat (Peruntukan Persekutuan)</p> <p>Tarikh Iklan : 3.1.2024 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 9.1.2024 (Selasa) Tempat : Bahagian Lalulintas & Pengangkutan Bandar, Jabatan Pengangkutan Bandar, Aras 11, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.</p> <p>Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 16.1.2024 (Selasa) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2023/71/PRO/LJ/40</p> <p>*PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM 30.00</p> <p>9.1.2024 hingga 14.1.2024</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>CIDB Gred : G1 atau G2 atau G3 Kategori : ME Pengkhususan : E04, E06, E11 dan E16</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat</p>

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBBJ melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA** dibenarkan hadir ke taklimat di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-

2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

2.2 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB

2.3 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB & Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK

2.4 : Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD)

2.5 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)

3. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBBJ** bagi penjualan tersebut.
4. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
5. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.


.....
(**HAJI MISWAN BIN YUNUS**)
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.